



PUNCA PENGABAIAN WARGA EMAS DI MALAYSIA

[CAUSES OF ELDERLY NEGLECT IN MALAYSIA]

RAHIMAH DAHLAN¹ & MOHD. ISA HAMZAH¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.
Email: p116587@siswa.edu.ukm.my; isa_hamzah@ukm.edu.my

Corespondent Email: isa_hamzah@ukm.edu.my

Received: 13 June 2023

Accepted: 15 July 2023

Published: 3 August 2023

Abstrak: Warga emas adalah golongan yang perlu di jaga dan dibela. Banyak jasa dan sumbangan warga emas terhadap anak-anak dan negara. Pengabaian terhadap warga emas di Malaysia adalah satu masalah sosial yang sangat di pandang serius pada akhir-akhir ini. Peratusan pengabaian warga emas dari pelbagai aspek menurut pertubuhan kesihatan sedunia sebanyak 34.7% yang berumur 60 tahun ke atas. Peratusan ini akan terus meningkat tahun demi tahun dengan peningkatan revolusi 4.0. Pendedahan terhadap kes pengabaian masih kurang didedahkan kepada komuniti. Pengabaian warga emas semakin membimbangkan dikalangan masyarakat. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji faktor dan kesan pengabaian warga emas dikalangan masyarakat di Malaysia berdasarkan kajian-kajian lepas. Metodologi dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif bagi merangkumi sorotan kajian. Isu ini dibincangkan dengan menggunakan jurnal, artikel dan buku yang berkaitan isu- isu pengabaian. Hasil daripada kajian-kajian yang lepas terdapat banyak faktor pengabaian terhadap warga emas ini antaranya sikap individu itu sendiri, pentingkan kerjaya, masalah kewangan, tiada kepercayaan oleh warga emas dan banyak lagi menyebabkan berlakunya pengabaian terhadap warga emas di Malaysia. Oleh itu, isu pengabaian warga emas ini akan dibincangkan dalam kajian ini.

Kata kunci: Pengabaian, warga emas, faktor pengabaian, kesan pengabaian, peranan komuniti

Abstract: The elderly is a group that needs to be looked after and protected. Many services and contributions of the elderly towards children and the country. The neglect of the elderly in Malaysia is a social problem that has been taken very seriously lately. The percentage of neglect of the elderly from various aspects according to the world health organization is 34.7% who are 60 years old and above. This percentage will continue to increase year after year with the advancement of the 4.0 revolution. Disclosure of cases of neglect is still not disclosed to the community. Neglect of the elderly is a growing concern among the community. The purpose of this study was to examine the factors and effects of the neglect of the elderly among the community in Malaysia based on previous studies. The methodology in this study is to use qualitative methods to cover the highlights of the study. This issue is discussed using journals, articles and books related to abandonment issues. As a result of past studies, there are many factors that lead to the neglect of the elderly, among them the individual's own attitude, the importance of career, financial problems, lack of trust by the elderly and many more causes the neglect of the elderly in Malaysia. Therefore, the issue of neglect of the elderly will be discussed in this study.

Keywords: Neglect, elderly, factors of neglect, effects of neglect, role of community

Cite This Article:

Rahimah Dahlan & Mohd. Isa Hamzah. 2023. Punca Pengabaian Warga Emas di Malaysia [Causes of Eldery Neglect in Malaysia]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(4), 29-36.

PENGENALAN

Pepatah melayu ada mengatakan “ seperti kacang lupukan kulit” mungkin sesuai dibincangkan bagi isu pengabaian terhadap warga emas. Dalam hal ini, sering bertanya-tanya apakah punca pengabaian warga emas oleh golongan masyarakat. Menjaga warga emas yang sudah lanjut usia bukan tugas individu sahaja bahkan ia melibatkan semua pihak terutamanya institusi keluarga dan masyarakat. Warga emas adalah golongan istimewa yang dikatakan sudah berada di penghujung usia. Menurut Nur Hanis Hazlan et.al(2019), bilangan warga emas dijangka akan meningkat pada tahun 2023. Umur tua adalah sinonim dengan usia yang semakin meningkat dan tenaga akan berkurangan pada umur tersebut. Oleh itu, penjagaan dan perlindungan menjadi satu keperluan bagi warga emas. Aspek pengabaian warga emas dikalangan komuniti adalah disebabkan peningkatan warga emas di seluruh Malaysia. Malaysia mengambil serius terhadap kes pengabaian warga emas ini dengan mewujudkan Dasar Warga Emas Kebangsaan. Menurut Asiah Bidin et.al(2019), sejak kebelakangan ini, pengabaian warga emas semakin meningkat dan menjadi suatu isu yang perlukan perhatian kepada semua pihak. Faktor yang mendorong kajian ini dijalankan ialah bagi mengetahui dan membendung tentang pengabaian warga emas. Peranan masyarakat setempat adalah sangat penting dalam menangani isu dan masalah pengabaian warga emas ini yang semakin berleluasa dikalangan rakyat di seluruh Malaysia. Pengabaian warga emas adalah termasuk dalam penderaan akan tetapi kajian tentang pengabaian ini masih kurang dilakukan. Isu pengabaian ini, kurang di ambil perhatian oleh masyarakat pada masa kini sebagai masalah sosial.

Konsep pengabaian warga emas boleh dikategorikan sebagai mengabaikan terhadap hak untuk penjagaan mereka terutama dari segi ubat-ubatan, keselesaan tempat tinggal, kesihatan dan yang merangkumi hal berkaitan warga emas. Dalam erti lain, pengabaian ini juga dimaksudkan dengan keengganahan anak-anak untuk menjaga warga emas yang kadang sampai tahap mencederakan fizikal warga emas itu sendiri. Bentuk-bentuk pengabaian pula dapat dikategorikan dalam beberapa pandangan yang dijelaskan terhadap pengabaian warga emas. Terdapat dua jenis pengabaian yang dikategorikan, pertama pengabaian oleh anak-anak/penjaga dan yang kedua pengabaian warga emas itu terhadap diri mereka sendiri (Bidin et.al,2019).

Maksud pengabaian oleh anak-anak/penjaga ialah apabila penjaga tersebut tidak menyediakan keperluan asas yang sepatutnya kepada warga emas seperti makanan, pakaian, perubatan dan kediaman. Selain itu, kecuaian penjaga meninggalkan warga emas itu bersendirian di rumah dan tidak menjaga kebersihan,dan juga kesihatan warga emas itu. Pengabaian terhadap diri sendiri pula bermaksud pengabaian warga tua terhadap dirinya sendiri seperti tidak makan, tidak memakan dan mengambil ubat yang diberikan oleh doktor dan tidak menjaga kebersihan fizikal mereka seperti yang sepatutnya. Hal ini selalu berlaku apabila warga emas yang sakit dan ditinggalkan bersendirian dengan keadaan mereka yang sukar untuk mengurus diri mereka sendiri. Justeru itu, kajian ini akan membincangkan mengenai faktor pengabaian warga emas serta kesan terhadap pengabaian tersebut. Bagi mencapai objektif

kajian ini, kajian akan dijalankan untuk melihat kesan terhadap pengabaian warga emas di Malaysia.

PERBINCANGAN FAKTOR PENGABAIAN WARGA EMAS

Kes-kes terhadap pengabaian warga emas yang membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Peningkatan populasi warga emas dunia menyebabkan meningkatnya jumlah warga emas pada setiap hari (Pertubuhan Kesihatan Sedunia WHO,2022) & (American Psychological Association,2012). Anggaran sekitar 675,000 orang atau hampir 30 peratus warga emas di Malaysia mengalami isu pengabaian dan jumlah ini akan meningkat seiring dengan peningkatan populasi warga emas sebanyak 24 peratus di negara Asia menjelang tahun 2050. Faktor-faktor pengabaian perlu di ambil perhatian, di analisis dan di teliti bagi mencari penyelesaian terhadap faktor tersebut. Faktor ini adalah berdasarkan dari kajian lepas seperti :

Kewangan

Faktor kewangan banyak mempengaruhi kes pengabaian mengikut kajian-kajian lepas. Faktor kewangan anak-anak dan saudara mara yang terdekat menyebabkan warga emas memilih untuk mereka tinggal di rumah Sri Kenangan dengan memahami situasi anak-anak dan orang terdekat yang sukar untuk menjaga mereka yang mempunyai masalah kewangan (Tamil Chevi et.al, 2017). Keadaan anak-anak yang tidak bekerja juga akan menyebabkan mereka mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap warga emas kerana mereka tidak mempunyai kos kewangan untuk membiayai diri mereka dan keluarga apatah lagi terhadap warga emas itu sendiri. Keadaan anak-anak atau penjaga yang mempunyai keluarga yang besar, yang tinggal di kawasan bandar yang mempunyai kos sara hidup yang tinggi cenderung kepada pengabaian terhadap wang perbelanjaan sara hidup warga emas itu terutama dari segi perubatan, makanan dan lain-lain kos yang tersembunyi.

Dari segi perubatan, mereka terpaksa menghentikan ubat-ubatan yang perlu mereka ambil bagi penjagaan rapi terhadap warga emas itu di sebabkan ketiadaan wang mencukupi untuk pergi ke tempat yang sepatutnya. Pengabaian terhadap kewangan dan material terjadi akibat mereka tidak mampu untuk memberi wang perbelanjaan untuk membeli keperluan asas seperti makanan dan juga pakaian. Ketiadaan wang yang mencukupi menyebabkan warga tua terabai kerana mereka tidak dapat membeli makanan yang berkhasiat, tempat tinggal yang selesa, pakaian yang baik serta rawatan perubatan warga emas. Warga emas akan menghadapi masalah kesihatan kerana tidak terjaga dari semua segi yang sepatutnya terutama makanan dan rawatan terhadap warga emas itu diabaikan dan akan mendatangkan bahaya terhadap diri warga emas itu sendiri. Sebagai seorang anak yang sepatutnya bertanggungjawab untuk menjaga hal-hal dan keperluan yang berkaitan terhadap warga emas itu.

Selain itu, warga emas yang tinggal jauh daripada tempat rawatan dan tidak mempunyai kenderaan juga akan menyebabkan pengabaian oleh anak-anak disebabkan memerlukan kos perjalanan untuk pergi ke tempat rawatan. Mereka terpaksa memberikan rawatan sendiri di rumah sementara menunggu duit mereka cukup untuk menghantar ke tempat rawatan. Pihak yang tertentu perlu membantu anak-anak ini yang mempunyai masalah kewangan ini agar mereka tidak mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap penjagaan warga emas ini.

Kerjaya

Faktor kerjaya ini juga adalah salah satu sebab pengabaian terhadap warga emas. Hal ini merujuk kepada penjarakan fizikal warga emas dan anak-anak. Kesibukan kerja menyebabkan pengabaian terhadap warga emas. Anak-anak zaman sekarang lebih pentingkan kerjaya sehingga mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap warga emas. Sikap individualistik anak-anak terhadap warga emas terutamanya dalam mengejar kesenangan tanpa mempedulikan warga emas/Ibubapa yang sudah tua dan masih bergantung harap kepada mereka. Di dalam mengejar kesenangan dan kemewahan, masa untuk bekerja itu lebih diutamakan seperti terlalu lewat pulang bekerja dan membiarkan warga emas itu tinggal berseorangan di rumah. Selain itu, anak-anak tidak berkomunikasi dengan warga emas ketika berada di kampung kerana mereka sibuk dengan urusan kerja dan sentiasa menghadap gajet. Tempat kerja yang jauh menyebabkan warga emas sukar untuk di lawat oleh anak mahupun penjaga mereka.

Faktor ini meninggalkan kesan yang mendalam terhadap diri warga emas itu kerana pada usia yang semakin meningkat mereka perlukan kasih sayang daripada anak-anak mereka, namun dengan kesibukan kerja anak-anak mengabaikan warga emas itu sendiri. Kesibukan mereka bekerja sehingga tiada keseronokan yang berlaku di dalam keluarga warga emas itu. Dengan mengejar kerjaya, mereka lupa dan alpa bahawa warga emas / Ibu Bapa la yang membesar, menjaga dan mendoakan mereka sehingga mereka berkerjaya. Terdapat juga majikan yang memindahkan tempat kerja anak-anak dan terpaksa berjauhan dengan warga emas kerana sesetengah warga emas enggan mengikut anak-anak untuk berpindah dan mereka akan tinggal di rumah tanpa penjagaan. Lebih-lebih lagi apabila anak-anak kurang memberi perhatian dengan warga emas disebabkan kesibukan bekerja.

Selain itu, peningkatan taraf hidup pada zaman sekarang yang menyebabkan anak-anak lebih tertumpu kepada kerjaya mereka. Desakan ekonomi yang semakin meningkat menyebabkan anak-anak lebih memberikan tumpuan kepada kerjaya mereka dan menyebabkan pengabaian terhadap warga emas. Terutama jika wanita yang mempunyai kerjaya, pengabaian itu lebih tertumpu bukan sahaja terhadap warga emas malah terhadap keluarga mereka sendiri disebabkan mereka sudah penat seharian bekerja.

Komunikasi keluarga

Masalah keluarga di kalangan anak menyebabkan pengabaian terhadap warga emas. Selain itu juga, masalah rumahtangga yang dihadapi oleh anak-anak menyebabkan terabainya penjagaan terhadap warga emas. Tumpuan anak-anak terhadap keluarga mereka juga menyebabkan mereka mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap warga emas. Komunikasi sangat penting dalam memainkan peranan terhadap warga emas dengan anak-anak mahupun komuniti. Kurangnya komunikasi di dalam keluarga memberi kesan yang signifikan terhadap kemerosotan kesejahteraan warga emas. Faktor ini juga, disebabkan tiada persefahaman antara warga emas dengan menantu, gaya komunikasi warga emas dengan anak-anak dewasa, warga emas yang suka meninggikan suara, bercakap berulang kali, kerap marah, lantunan suara yang menengking dan suka menegur anak-anak secara terus terang.

Pengabaian terhadap warga emas juga berlaku kerana kurangnya kesedaran dan kefahaman terhadap tanggungjawab menjaga dan memelihara ibubapa dan warga emas. Anak-

anak muda zaman sekarang kurang diberi pendedahan terhadap ilmu berkaitan gerentologi iaitu adab dan cara menghormati warga emas. Generasi zaman sekarang kurang menghormati segala susah payah pengorbanan warga emas yang melahirkan dan membesar mereka sehingga menjadi orang yang berjaya. Sikap generasi muda yang tidak tahu berinteraksi dengan baik terhadap warga emas adalah disebabkan kurangnya didikan agama dan nilai murni serta ilmu penjagaan ibubapa di dalam diri mereka. Maka ilmu penjagaan dan komunikasi terhadap warga emas perlu di ajar bermula sekolah sehinggalah ke institusi dengan menggunakan kaedah yang betul supaya anak-anak dapat mengaplikasikan di masa mereka dewasa.

Komunikasi keluarga ini memberi impak yang tidak baik terhadap warga emas memandangkan mereka sudah di usia yang tua. Komunikasi Interpersonal amat penting diantara warga emas dan anak-anak bagi mengelakkan pengabaian. Segala masalah komunikasi yang dihadapi perlu diselesaikan dan ditangani dengan baik bagi mengelakkan isu pengabaian ini terus berlaku. Komunikasi warga emas penyumbang kepada isu komunikasi ini disebabkan pancaindera mereka seperti penglihatan, pendengaran dan pertuturan warga emas ini semakin merosot pada usia mereka. Warga emas lambat memberi maklum balas sekiranya di tanya kerana masalah komunikasi mereka yang semakin berkurang. Oleh itu, anak-anak perlulah faham dengan situasi dan keadaan mereka di usia yang semakin meningkat kerana anak-anak juga akan tua pada masa akan datang.

Etika dan kepercayaan

Sikap warga emas yang tidak mempercayai terhadap orang yang menjaganya dapat menjaga mereka dengan baik. Tambahan pula, karenah warga emas yang bermacam-macam ragam yang menyebabkan anak-anak tidak mahu menjaga ibubapa mahupun warga emas. Selain itu, ada terdapat dikalangan warga emas yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan suasana kediaman anak-anak, bersifat sensitif, mewujudkan pergaduhan dengan menantu. Terdapat segelintir warga emas yang tidak menaruh kepercayaan bahawa anak mereka akan sanggup menjaga sakit pening mereka dan sanggup untuk tinggal di rumah warga emas kerana lebih mempercayai orang lain untuk menjaga mereka berbanding anak kandung mereka sendiri. Situasi lain, ini mungkin penyebab warga emas itu mengambil keputusan untuk tinggal sendiri di rumah berbanding dengan anak-anak. Sekiranya keadaan ini berlaku, anak-anak seharusnya datang menziarahi warga emas tersebut dengan lebih kerap.

Selain itu, warga emas yang tidak mahu ikut anak mereka berpindah kerana mereka takut menyusahkan anak-anak yang bekerja dan tidak mempercayai anak-anak tidak dapat menjaga mereka akibat kesibukan kerja menyebabkan mereka lebih memilih untuk tinggal bersendirian di rumah. Dalam hal ini, warga emas akan terabai kerana mereka tinggal berasingan daripada anak-anak ditambah dengan jarak yang agak jauh untuk anak-anak menjaga kebajikan warga emas dengan begitu kerap. Terdapat juga anak-anak menggunakan alasan tersebut untuk lepas tangan terhadap penjagaan dan kebajikan warga emas. Terdapat banyak di negara-negara maju yang membuat pusat jagaan warga emas adalah suatu keperluan untuk kehidupan yang selesa dan anak-anak akan melawat pada setiap hujung minggu. Di Malaysia juga boleh menggunakan cara mereka untuk mengelakkan pengabaian terhadap warga emas terus berlaku pada saban tahun.

KESAN PENGABAIAN WARGA EMAS

Kesan daripada pengabaian terhadap warga emas ini, emosi warga emas akan terganggu. Sikap sambil lewa anak-anak yang menyebabkan warga emas ini terabai, kesunyian dan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap diri mereka. Waktu tua adalah waktu untuk bergembira dengan anak-anak, cucu setelah melewati waktu kesibukan mereka bekerja dahulu. Namun, kesibukan bekerja anak-anak membuatkan waktu keindahan indah itu berlalu begitu sahaja. Anak-anak lupa bahawa warga emas yang telah membesar, mendoakan, menjaga sehingga mereka berjaya dan hidup dengan selesa pada waktu sekarang. Selain itu, runtuhnya nilai agama sesebuah keluarga jika mengabaikan warga emas ini. nilai kasih sayang yang diabaikan boleh mengakibatkan mereka menghantar warga emas ini ke pusat-pusat jagaan. sifat taat dan rasa hormat anak-anak tidak dipedulikan dan diabaikan dalam keluarga. Seterusnya, akan berlaku tekanan emosi warga emas tersebut terutamanya warga emas yang mempunyai penyakit dan mereka tidak dapat menguruskan diri mereka sendiri lebih-lebih lagi tidak ada waris yang dapat menjaga mereka. Kesan daripada perbuatan ini akan mengakibatkan tekanan emosi warga emas yang boleh mengakibatkan mereka bertambah sakit, kemurungan dan ada yang hampir membunuh diri kerana tidak dapat menguruskan diri mereka sendiri. Kesan lain pengabaian warga emas ini akan mencemarkan nama negara jika mereka diabaikan dan tidak dipedulikan kerana mereka akan hidup di merata tempat yang bukan tempat sepatutnya. Jika dipandang oleh pelancong luar bahawa negara kita tidak mempunyai perasaan prihatin dan rasa kasih sayang terhadap warga emas. Oleh itu, kerajaan terpaksa menyediakan pusat-pusat jagaan untuk warga emas yang diabaikan agar dapat menjaga keharmonian mereka. Anak- anak yang mengabaikan warga emas ini tidak memikirkan dosa dan pahala atas perbuatan mereka. Terdapat banyak cara yang dapat di laksanakan jika kita tidak mampu menjaga warga emas tersebut daripada membiarkan mereka hidup terabai.

STATISTIK

Rajah 1 menunjukkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2018 – 2020 warga emas di pusat-pusat jagaan yang terdapat diseluruh Malaysia. Ini menunjukkan dengan peningkatannya kadar penghuni warga emas, berkemungkinan salah satu faktornya ialah pengabaian, masalah ekonomi, masalah keluarga dan sebagainya. Kes-kes ini berlaku dan akan diambil alih oleh pihak JKM. Isu pengabaian ini, tidak akan di dedahkan dalam statistik JKM. Dapat kita lihat statistik menunjukkan peningkatan 3 tahun penghuni warga emas 2018 sebanyak 6927, 2019 sebanyak 7440 dan 2020 sebanyak 7818 iaitu pertambahan yang semakin meningkat pada setiap tahun. Hal ini sangat membimbangkan dengan pertambahan kadar pada setiap tahun.

Negeri State	Orang Tua Senior citizen	Negeri State	Warga Emas Elderly Person	Negeri State	Warga Emas Senior Citizen
Johor	1,224	Johor	1,306	Johor	1,365
Kedah	158	Kedah	152	Kedah	203
Kelantan	0	Kelantan	25	Kelantan	25
Melaka	410	Melaka	408	Melaka	266
N. Sembilan	513	Negeri Sembilan	551	Negeri Sembilan	546
Pahang	425	Pahang	431	Pahang	434
Perak	1,195	Perak	1,493	Perak	1,530
Perlis	20	Perlis	20	Perlis	20
P. Pinang	804	Pulau Pinang	925	Pulau Pinang	960
Sabah	142	Sabah	111	Sabah	130
Sarawak	137	Sarawak	158	Sarawak	181
Selangor	1,328	Selangor	1,197	Selangor	1,431
Terengganu	61	Terengganu	83	Terengganu	61
W.P. Kuala Lumpur	510	W.P. Kuala Lumpur	580	W.P. Kuala Lumpur	666
W.P. Labuan	0	W.P. Labuan	0	W.P. Labuan	0
Jumlah/ Total	6,927	Jumlah / Total	7,440	Jumlah Total	7,818

STATISTIK 2018**STATISTIK 2019****STATISTIK 2020**

Rajah 1 : Statistik penghuni warga emas

KESIMPULAN

Kesimpulannya, isu pengabaian warga emas ini di tahap yang membimbangkan mengikut statistik yang telah di keluarkan oleh pihak JKM. Pengabaian yang berbentuk jenayah komersial paling banyak berlaku iaitu pengabaian yang melibatkan anak-anak dan penjaga warga emas tersebut. Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat beberapa isu pengabaian terhadap warga emas iaitu pengabaian dari segi kewangan, kerjaya, komunikasi keluarga adalah antara yang paling tinggi berlaku terhadap warga emas. Penjagaan terhadap warga emas bukanlah suatu benda yang mudah terutamanya bagi warga emas yang memerlukan penjagaan yang rapi dan memerlukan kos rawatan yang tinggi bagi anak-anak yang tidak mempunyai kerja yang tetap. Pandangan pengkaji, hal ini perlulah ada sokongan sosial dan diambil perhatian oleh beberapa pihak seperti sokongan oleh masyarakat dan agensi-agensi NGO untuk meringankan beban anak-anak dan penjaga. Dengan adanya agensi-agensi tersebut, bukanlah anak-anak

melepaskan tanggungjawab dan beban tersebut sepenuhnya kepada pihak tertentu. Mereka haruslah juga mengambil cakna mengenai warga emas tersebut. Oleh itu, sifat nilai-nilai murni yang di tuntut oleh agama terhadap warga emas ini perlulah di ajar kepada anak-anak bermula mereka di bangku sekolah untuk mengelakkan isu pengabaian ini terus berlaku saban tahun. Penjagaan warga emas ini bukanlah suatu hal yang membebankan jika ditangani dengan betul dan mendapat sokongan daripada keluarga dan masyarakat. Selain itu, bantuan-bantuan daripada agensi-agensi seperti NGO, Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk meringankan keluarga yang kurang berkemampuan untuk penjagaan warga emas tersebut. Dengan ini, masalah pengabaian warga emas di negara kita dapat dikurangkan sekaligus dapat melahirkan komuniti yang penyayang terhadap warga emas tersebut.

RUJUKAN

- Ahmad Syakir Mohd Nassaruddin. 2021. Pembiayaan nafkah ibubapa : kajian pelaksanaan di pasir mas Kelantan. *Rabbanica* 2(2): 97-106.
- Hasiah Mat Salleh, Mohd Norhusairi Mat Hussin & Raihanah Hj Abdullah. 2022. Perlindungan hak warga emas dalam perundangan di Malaysia. *Jurnal Undang undang Malaysia* 34(1): 1–22.
- Hasiah Mat Salleh, Raihanah Abdullah & Mohd Nurhusairi Mat Hussin. 2021. Faktor-faktor pengabaian terhadap warga tua di Malaysia. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 70-85.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2018). *Laporan Statistik*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2019). *Laporan Statistik*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2020). *Laporan Statistik*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Nik Rafidah & Awang Azman. 2019. Pemikiran keperluan manusia dalam koleksi lama cerita berbahasa melayu di Eropah. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains dan Sosial Kemanusiaan* : 103-114.
- Nur Hanis, Mardhiah & Khadijah. 2019. Meneroka cabaran perantis kerja sosial gerontologi dalam memberi perkhidmatan penjagaan pesakit warga emas kronik : kajian kes di rumah ehsan Kuala Kubu Bharu. *Jurnal Wacana Sarjana* 3(1): 1-9.
- Nur Zulfah, Nor ‘Adha, Mohd Farok, Sharifah Hana & Mashitah. 2022. Isu global penuaan populasi penduduk dunia : persediaan Malaysia menuju negara tua. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan* 7(7): 802-810.
- Siti Nurdarwisyah, Ahmad Fahmi, Tengku Kastriafuddin, Abdul Jalil, Mohd Erpi & Zuraidi. 2022. Keberkesanan penggunaan aplikasi kesihatan dalam kalangan warga emas. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* 8(24): 107-131.